

EKOSISTEM  
KEUSAHAWANAN

*Befia*

2023

*buku  
panduan*

# TITAH

**“Mereka layak untuk dicontohi dalam perkara menyumbangkan bakti kepada negara. Apabila diperlukan, biasanya mereka cepat-cepat tampil menyahut panggilan. Inilah sifat belia.”**

*Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke-16, Tahun 2021*

# buku panduan **PENGENALAN**

Buku panduan ini diharapkan akan dapat menjadi panduan dalam perjalanan awda sebagai seorang usahawan belia (berumur 18 hingga 35 tahun) dengan membantu awda memilih/ menentukan program atau skim yang bersesuaian dengan perniagaan awda. Ia terdiri daripada peluang perniagaan, akses kepada modal kewangan, infrastruktur dan kemudahan, pembangunan kapasiti, perkhidmatan sokongan perniagaan serta akses pasaran.

Untuk mewujudkan lebih banyak peluang kepada belia untuk memulakan, memiliki, mengurus dan menjalankan perniagaan, beberapa program telah disediakan oleh pelbagai agensi. Inisiatif pembangunan kapasiti dan perkhidmatan sokongan seperti rangkaian bimbingan telah ditawarkan. Skim pembiayaan disediakan untuk memenuhi keperluan usahawan untuk mendapatkan modal bagi menubuhkan dan mengembangkan perniagaan mereka. Infrastruktur seperti kilang siap dibina, premis pejabat dan ruang kerja bersama telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh para usahawan. Sebagai tambahan, kontrak kerja dari pelbagai industri di sektor awam dan swasta akan dikhususkan untuk usahawan belia bagi memberi mereka peluang untuk membuat tawaran yang kompetitif.

Inisiatif-inisiatif tersebut diharapkan akan dapat memacu perkembangan keusahawanan belia, yang sangat penting dalam pembangunan PMKS dan penjanaaan peluang pekerjaan kearah pembangunan ekonomi negara yang mampan pada jangka masa panjang.

Sempena Hari Belia Negara, Jawatankuasa Keusahawanan Belia (YEC) dan agensi-agensi berkaitan telah bekerjasama dalam menyediakan buku panduan ini dengan memfokuskan kepada inisiatif yang secara khusus akan dapat membantu usahawan belia untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

<b>Pembangunan Kapasiti dan Perkhidmatan Sokongan</b>	<b>05</b>
<i>BusinessBN</i>	06
<i>Pemadanan Perniagaan Pertanian &amp; Perikanan</i>	07
<i>Templat Pengurusan Perniagaan</i>	08
<i>Brunei Innovation Lab (Bil) - Innovative Brunei Programme &amp; Capability Accelerator</i>	09
<i>Pusat Dukungan Perniagaan (BSC)</i>	11
<i>Brunei Mentors for Entrepreneurs Network (BMEN)</i>	12
<i>Akademi Perniagaan Tenaga 1.0 (EBA1.0)</i>	13
<i>Akademi Perniagaan Tenaga 2.0 (EBA2.0)</i>	14
<i>Mentor With Us (MWU)</i>	15
<i>Industry Business Academy (IBA)</i>	16
<i>Bootcamp Micro Programme</i>	17
<i>Accelerate Bootcamp</i>	18
<i>LiveWIRE Masterclass</i>	19
<i>LiveWIRE Higher Institution Entrepreneurship Programme</i>	20
<i>LiveWIRE Brunei Bright Ideas</i>	21
<i>LiveWIRE Becoming a Successful Owner Manager (BSOM)</i>	22
<i>Business Plan Series</i>	23
<i>LiveWIRE Leadership Camp</i>	24
<i>Aplikasi Pengurusan Aliran tunai: iCashflow.bn</i>	25
<i>YDC Light On</i>	26
<b>Pembiayaan</b>	<b>27</b>
<i>Bank Usahawan</i>	28
<i>Pinjaman Perniagaan</i>	29
<i>Co-Matching Scheme</i>	30
<i>LiveWIRE Business Awards Startup Funding (BASfs)</i>	32
<i>Brunei ICT Awards (BICTA)</i>	33
<b>Infrastruktur &amp; Kemudahan</b>	<b>34</b>
<i>Ruang Kerja Bersama &amp; Premis Pejabat</i>	35
<i>Tapak dan Taman Perindustrian &amp; Kilang Siap Bina</i>	36
<i>Kontena Park</i>	37
<i>Shared Kitchen</i>	38
<i>Youth Ground</i>	39
<i>Pusat Inkubasi Tenaga</i>	40
<i>Digital Technology Showcase &amp; Digital Playroom</i>	41
<i>LiveWIRE Fairley</i>	43
<b>Akses Pasaran</b>	<b>44</b>
<i>Akses Pasaran Inbound</i>	45
<i>Akses Pasaran Outbound</i>	46
<i>Perkhidmatan Kemudahan Eksport</i>	47
<i>Bruneian Made - Supermarket Shelves</i>	48
<i>Bruneian Made - Finest</i>	49
<i>Standard Consultancy Programme</i>	50
<i>LiveWIRE SME Promotion</i>	51
<b>Peluang</b>	<b>52</b>
<b>Contracts &amp; Services</b>	
<i>i-Usahawan (Sektor Tenaga)</i>	53
<i>i-Usahawan (bukan Sektor Tenaga)</i>	54
<i>DARe Links</i>	55
<b>Agribusiness/Aquaculture</b>	
<i>Projek Rintis (Pertanian)</i>	56
<i>Contract Farming</i>	57
<i>Penternakan Ikan</i>	58
<b>Awards</b>	
<i>LiveWIRE Hackathon</i>	59
<i>LiveWIRE Brunei Business Awards</i>	61
<i>Shell Global Top Ten Innovators Award - Shell</i>	62
<i>LiveWIRE Brunei</i>	

## PEMBANGUNAN KAPASITI & KHIDMAT SOKONGAN BERSAMA

Accelerate Bootcamp  
LiveWIRE Masterclass  
LiveWIRE Higher Institution Entrepreneurship Programme  
LiveWIRE Brunei Bright Ideas  
LiveWIRE Becoming a Successful Owner Manager (BSOM)  
Business Plan Series  
LiveWIRE Leadership Camp  
Aplikasi Pengurusan Aliran tunai: iCashflow.bn  
YDC Light On

BusinessBN  
Pemadanan Perniagaan Pertanian & Perikanan  
Templat Pengurusan Perniagaan  
Brunei Innovation Lab (Bil) - Innovative Brunei Programme & Capability Accelerator  
Pusat Dukungan Perniagaan (BSC)  
Brunei Mentors for Entrepreneurs Network (BMEN)  
Akademi Perniagaan Tenaga 1.0 (EBA1.0)  
Akademi Perniagaan Tenaga 2.0 (EBA2.0)  
Mentor With Us (MWU)  
Industry Business Academy (IBA)  
Bootcamp Micro Programme

### PEMBIAYAAN

Bank Usahawan  
Pinjaman Perniagaan  
Co-Matching Scheme  
LiveWIRE Business Awards Startup Funding (BASfs)  
Brunei ICT Awards (BICTA)

### PELUANG

Contracts & Services  
i-Usahawan (Sektor Tenaga)  
i-Usahawan (bukan Sektor Tenaga)  
DARE Links

Agribusiness/Aquaculture  
Projek Rintis (Pertanian)  
Contract Farming  
Penternakan Ikan

### Awards

LiveWIRE Hackathon  
LiveWIRE Brunei Business Awards  
Shell Global Top Ten Innovators Award - Shell  
LiveWIRE Brunei

### INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN


Ruang Kerja Bersama & Premis Pejabat  
Tapak dan Taman Perindustrian & Kilang Siap Bina  
Kontena Park  
Shared Kitchen  
Youth Ground  
Pusat Inkubasi Tenaga  
Digital Technology Showcase & Digital Playground  
LiveWIRE Fairley

### AKSES PASARAN


Akses Pasaran Inbound  
Akses Pasaran Outbound  
Perkhidmatan Kemudahan Eksport  
Bruneian Made - Supermarket Shelves  
Bruneian Made Hub  
Standard Consultancy Programme  
LiveWIRE SME Promotion

## EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

# Belia



# PEMBANGUNAN KAPASITI & KHIDMAT SOKONGAN BERSAMA



# BusinessBN

## Apa itu?

BusinessBN ialah sebuah perkhidmatan 'whole-of-government' yang menyediakan maklumat penting mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi kerajaan dan 'reforms' yang berkaitan dengan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

[www.business.mofe.gov.bn](http://www.business.mofe.gov.bn) ialah sebuah portal yang menyediakan akses mudah kepada komuniti perniagaan mengenai maklumat yang berhubung dengan pelbagai proses dan prosedur kerajaan, perundangan, garis panduan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perniagaan.

# Pemadanan Perniagaan Pertanian & Perikanan

## Apakah Pemadanan Perniagaan Pertanian & Perikanan?

Program ini ditawarkan oleh Kementerian Sumber Program ini ditawarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), disediakan untuk usahawan muda. Para peserta akan didedahkan kepada teknologi maju sebenar yang dapat meningkatkan hasil tanaman, dan memberi pulangan yang menguntungkan melalui lawatan ladang.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan penglibatan belia dalam sektor pertanian pada asas perladangan kontrak serta meningkatkan pengeluaran ladang pertanian.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor pertanian, pihak yang berminat boleh menghadapkan cadangan masing-masing kepada Pengarah Pertanian dan AgriMakanan dengan menghubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di talian +673 238 8000 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Pertanian dan AgriMakanan, Jalan Muhibbah, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor perikanan, pihak yang berminat boleh menghadapkan cadangan kepada Pengarah Perikanan dengan menghubungi Bahagian Perniagaan dan Pelaburan Perikanan di talian +673 277 0066 atau e-mel ke [info@fisheries.gov.bn](mailto:info@fisheries.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-54, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Kampong Serasa, BT1728, Negara Brunei Darussalam



# Templat Pengurusan Perniagaan

## Apakah Templat Pengurusan Perniagaan?

Asas pengurusan kewangan & sumber manusia adalah perlu bagi perniagaan kecil. DARE memberikan templat yang ringkas dan mudah untuk digunakan bagi mengembangkan rancangan perniagaan, rekod perbelanjaan, aliran tunai, keuntungan & kerugian, penyata pendapatan, pengambilan pekerja, kontrak pengambilan pekerja, dan pengurusan prestasi.

Templat ini disediakan bagi perniagaan permulaan, mikro dan kecil. DARE juga memberikan khidmat nasihat tentang perisian kewangan dalam talian, dan pengurusan sumber manusia yang boleh digunakan secara percuma atau pada harga yang murah.

*Dimanakah boleh saya mendapatkan templat tersebut?*

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi laman sesawang kami di: [www.dare.gov.bn/guidebooks](http://www.dare.gov.bn/guidebooks) atau e-mel kami di [info@dare.gov.bn](mailto:info@dare.gov.bn)

# Brunei Innovation Lab (BIL)

## Innovate Brunei Programme & Capability Accelerator

### Apa itu?

Brunei Innovation Lab(BIL) dilancarkan pada Julai 2022 dengan bertujuan untuk menjadi pemangkin yang akan menggalakkan pembangunan ekosistem teknologi negara. Ianya dihasratkan akan dapat melatih syarikat 'start-ups' tempatan dalam menghasilkan penyelesaian yang berasaskan teknologi baharu, untuk menangani cabaran dunia sebenar dan seterusnya memanfaatkan peluang pasaran yang ada.

Melalui kerjasama di antara Brunei Shell Petroleum (BSP), Darussalam Enterprise (DARe), DST Digital (DST) dan Shell LiveWIRE Brunei (LiveWIRE), BIL akan memberi tumpuan kepada 10 bidang teknologi: Additive Manufacturing, Analytics, Artificial Intelligence, AR/VR, Blockchain, Cloud Computing, Cybresecurity, Digital Twin, Internet of Things (IoT) dan Robotics & Automation.

BIL terdiri dari Galeri Pameran Inovatif - untuk meningkatkan kesedaran tentang teknologi baharu dan 'techpreneur', program pembangunan usahawan teknologi "Inovasi Brunei" dan "Pemecut Keupayaan" untuk membina kecekapan dalam bidang teknologi tertentu.

### Apakah yang akan ditawarkan oleh BIL?

Pembangunan program Permulaan

- Program Inovasi Brunei
- Innovate Fund Connect
- Innovate Boost
- Innovate Beyond Brunei

### Kriteria untuk Inovasi Brunei

Teknoprenuer, perusahaan kecil & sederhana dan pelajar yang mempunyai semangat serta visi untuk menangani masalah dengan penggunaan teknologi. Sebelum penyertaan program ini, ada beberapa kriteria yang akan dinilai terlebih dahulu.

#### 1. Innovate Brunei Programme

Peringkat pertama dipanggil 'Innovate Brunei'; dimana peserta akan dikumpulkan melalui acara 'hackathon', yang mana bertujuan untuk menyediakan penyelesaian dan produk bagi beberapa peluang yang dikenalpasti oleh BIL berdasarkan permintaan pasaran. Peserta yang berjaya akan dihubungkan dengan penaja yang akan menyediakan pembiayaan seed atau sumber untuk memulakan pembangunan projek mereka.

# Brunei Innovation Lab (BIL)

## Innovate Brunei Programme & Capability Accelerator

### 2. Capability Accelerator

Sebuah program khusus untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan teknologi moden. Menyatukan program-program pembangunan 'technopreneur' yang sedia ada.

Merancang kurikulum teknologi yang mendalam untuk membantu merapatkan jurang pengetahuan antara pendidikan tinggi formal dan keperluan semasa industri.

Mendidik dan mengekalkan 'pipeline' bagi calon terlatih, calon celik teknologi yang boleh disalurkan ke syarikat permulaan dan syarikat besar

Menyediakan latihan asas perniagaan bagi membantu ahli teknologi untuk mengetahui cara untuk mengkomersialkan idea mereka

### *Cara memohon?*

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai BIL, sila layari laman sesawang <https://www.innovationlab.com.bn> atau hubungi kami melalui alamat e-mel [enquire@innovatebrunei.com](mailto:enquire@innovatebrunei.com) dan +673 8651345.

Alamat:  
Brunei Innovation Lab  
Tingkat bawah dan 1 Bangunan  
Knowledge Hub, Simpang 32-37,  
Kg Anggerek Desa ,  
Bandar Seri Begawan BB3713  
Negara Brunei Darussalam

# Pusat Dukungan Perniagaan (BSC)

## Apakah Pusat Dukungan Perniagaan?

Pusat Dukungan Perniagaan menyediakan perkhidmatan Meja Bantuan Perniagaan dimana para pengusaha PMKS dan orang ramai boleh:

- Mendapatkan khidmat nasihat perniagaan dan maklumat mengenai proses berkaitan perniagaan.
- Mengetahui dan menghadapi permohonan bagi program dan inisiatif PMKS yang dikendalikan oleh DARE.
- Mengongsikan isu, maklum balas dan pertanyaan berkaitan perniagaan

## *Dimanakah lokasinya?*

### **BSC Bandar Seri Begawan**

Tingkat 1, Design & Technology Building, Simpang 32-37, Kg Anggerek Desa, Bandar Seri Begawan, BB3713 Negara Brunei Darussalam  
+673 836 3442 | +673 8330520 | +673 238 4830

### **Waktu Bekerja**

Setiap Isnin hingga Khamis  
8.30am - 12.00pm | 2.00pm - 4.30pm  
Setiap Jumaat:  
8.30am - 12.00pm | 2.15pm - 4.30pm

---

### **BSC Daerah Belait**

Pejabat DARE Cawangan Belait, Taman Perindustrian Pekan Belait, Simpang 114, Kuala Belait KA1131, Negara Brunei Darussalam.  
+673 836 3442 (Hotline)

### **Waktu Bekerja**

Setiap Selasa:  
8.30am - 12.00pm | 2.00pm - 3.00pm

---

### **BSC Temburong**

Pejabat Unit Sukatan dan Timbangan (Cawangan Temburong), Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar PA1351, Brunei Darussalam  
+673 836 3442 (Hotline)

### **Waktu Bekerja :**

Rabu (minggu pertama dan minggu ke-3 pada setiap bulan):  
8.30am - 12pm | 2pm - 3.30pm

# Brunei Mentors for Entrepreneurs Network (BMEN)

## Apakah itu BMEN?

Brunei Mentors for Entrepreneurs Network ialah sebuah platform yang mengumpulkan sukarelawan mentor perniagaan yang terdiri daripada usahawan berjaya, pakar industri, profesional dan ahli akademik yang bersedia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta membimbing pengusaha perniagaan yang sedang berkembang.

## Bagaimanakah proses bimbingan di dalam BMEN dijalankan?

Program bimbingan di antara mentor dan mentee dijalankan berdasarkan jadual yang dipersetujui oleh kedua belah pihak. Cara bimbingan juga ditentukan oleh mentor dan mentee mengikut cara kesesuaian dan keperluan masing-masing.

Selain itu, DARE juga akan mengadakan beberapa acara 'mentoring' yang terbuka kepada para pengusaha yang mana akan melibatkan penyertaan dari semua mentor yang berdaftar dengan BMEN.

## Adakah saya perlu membayar untuk mendaftar?

Tiada bayaran dikenakan, bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelapangan para mentor untuk menyediakan khidmat bimbingan.

## Siapa Boleh Menyertai?

Sesiapa sahaja yang merupakan usahawan, profesional atau ahli akademik yang berjaya yang memenuhi kriteria boleh menyertai sebagai mentor dan mana-mana perniagaan berdaftar tempatan boleh menyertai sebagai mentee.

## *Cara memohon?*

Pendaftaran sebagai mentor atau mentee boleh dibuat secara online melalui laman sesawang BMEN [www.bruneimentors.com](http://www.bruneimentors.com).

# Akademi Perniagaan Tenaga 1.0 (EBA1.0)

## Apa itu?

Akademi Perniagaan Tenaga (EBA) ialah sebuah program pembangunan keusahawanan yang dilancarkan pada tahun 2014 oleh Brunei Shell Petroleum (BSP) untuk pengusaha baru dan perniagaan kecil tempatan yang berminat untuk menceburi industri Minyak dan Gas.

Objektif EBA adalah untuk memberi peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mendapatkan maklumat berkenaan proses, piawaian dan keperluan BSJV bagi memudahkan mereka untuk mengambil bahagian dalam peluang perniagaan BSJV.

## Kriteria untuk menyertai Akademi Perniagaan Tenaga

Perniagaan mesti dimiliki oleh rakyat tempatan dan keutamaan akan diberikan kepada pengusaha baru dan perniagaan kecil.

## Struktur Akademi Perniagaan Tenaga

EBA ialah sebuah program latihan keusahawanan yang dijalankan selama 4 hari dengan latihan teori dan aktiviti praktikal serta interaktif yang disampaikan oleh pakar dari BSP. Ianya akan meliputi Pengenalan kepada Minyak dan Gas, Etika dan Pematuhan, Pengurusan Rantaian Bekalan dan Proses Tender BSJV, Pengenalan kepada HSSE, Pengenalan kepada Pengurusan Kualiti dan Pengenalan kepada Kewangan.

## Cara memohon?

Permohonan bolehlah dihadapkan secara atas talian di [www.bsp-lbd.com.bn/SitePages/EBA.aspx](http://www.bsp-lbd.com.bn/SitePages/EBA.aspx). Semua permohonan akan dinilai dan peserta yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel.

# Akademi Perniagaan Tenaga 2.0 (EBA2.0)

## Apa itu?

Akademi Perniagaan Tenaga 2.0 (EBA2.0) ialah sebuah program pembangunan keusahawan yang telah dilancarkan pada tahun 2020 oleh Brunei Shell Petroleum (BSP) untuk membangunkan kecekapan dan keupayaan perusahaan tempatan agar dapat bersaing secara berkesan dan mampan.

## Kriteria untuk Akademi Perniagaan Tenaga

Perniagaan mesti dimiliki oleh rakyat tempatan dan sedang mempunyai kontrak atau pernah mempunyai kontrak dengan BSP.

## Struktur Akademi Perniagaan Tenaga 2.0

EBA2.0 ialah sebuah program keusahawanan yang dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan yang mana akan membantu para peserta dalam menciptakan dan melaksanakan pelan pembangunan perniagaan mengikut visi dan matlamat perniagaan masing-masing. Setiap peserta akan menerima sokongan secara persendirian dari fasilitator yang telah khusus dipilih bagi setiap peserta.

Di sepanjang program 12 bulan tersebut, setiap peserta akan diberikan sesi khusus untuk membincangkan berkenaan Visi Perniagaan, Penetapan Matlamat, Penilaian Pembekal, Keutamaan Pembangunan dan sesi Daftar Masuk.

## Cara memohon?

Penyertaan EBA2.0 adalah melalui jemputan sahaja; semua permohonan akan dinilai, dan peserta yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel.

# Mentor With Us (MWU)

## Apa itu?

Mentor With Us (MWU) adalah platform yang diperkenalkan untuk menghubungkan pengusaha dan mentor perniagaan mengikut keperluan perniagaan masing-masing.

Objektif MWU adalah untuk memudahkan rangkaian di kalangan pengusaha perniagaan tempatan dan mentor perniagaan dan seterusnya membantu PKS tempatan untuk berkembang dengan sokongan dari mentor perniagaan.

## Kriteria Mentor Bersama Kami

Perusahaan tempatan dan mentor perniagaan yang berdaftar .

## Struktur Mentor Bersama Kami

MWU ialah sebuah aplikasi mudah alih yang menampilkan 'matching capability' di antara pengusaha dan mentor perniagaan, 'chat and connect', penjadualan perjumpaan, perkongsian fail dan lain-lain.

## *Cara memohon?*

Aplikasi mudah alih tersedia untuk dimuat turun pada kedua-dua peranti IOS dan Android



# Industry Business Academy (IBA)

## Apakah Akademi Perniagaan Industri?

Darussalam Enterprise (DARe) melancarkan IBA pada Julai 2016 sebagai satu komponen penting dalam program pembangunan keusahawanan, yang menyediakan ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh PMKS untuk memulakan, mengembangkan dan mengeksport.

IBA biasanya dijalankan dalam bentuk bengkel, namun ianya juga ada dilaksanakan dalam bentuk sesi ceramah dan perkongsian. Tertakluk kepada modul perniagaan yang ditawarkan, sesi pembelajaran boleh dijalankan dari setengah hari hingga maksimum empat hari.

IBA dijalankan sepanjang tahun dan merangkumi pelbagai modul perniagaan seperti kewangan, penyediaan pelan perniagaan, pemasaran dan piawai antarabangsa. Pada kebiasaannya bengkel dijalankan secara percuma\*. Modul teras diajarkan oleh fasilitator DARe sendiri dan modul lain akan disampaikan oleh pakar dari sektor awam dan swasta dari pelbagai industri.

\*Yuran minima mungkin akan dikenakan bagi modul yang khusus

## Kandungan Program

IBA juga diajar dalam tiga peringkat yang berlainan bergantung kepada peringkat kematangan perniagaan.

Ketiga-tiga peringkat diterangkan di bawah ini:

Program IBA	IBA Peringkat 1	IBA Peringkat 2	IIBA (Peringkat 3)
Kurikulum Biasa	Meningkatkan pengetahuan am bagaimana memulakan perniagaan, dan bagaimana memastikan keselamatan perniagaan.	Meningkatkan pengetahuan dan apresiasi bagaimana memastikan keselamatan syarikat yang membangun.	Meningkatkan pengetahuan dan apresiasi bagaimana mengembangkan sesebuah syarikat ke luar negara dengan jaya.
Industri Spesifik	Memfokuskan kepada peluang perniagaan dan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai undang-undang dan dasar kerajaan bagi sektor industri spesifik		

## Modul Teras IBA:

- Bengkel Business Lean Canvas
- Bengkel Penyediaan Pelan Perniagaan
- Amalan Kewangan untuk PMKS
- Pendidikan Kewangan untuk Usahawan dengan Standard Chartered Brunei

## Siapa Boleh Menyertai?

Program IBA terbuka kepada semua PMKS dan bakal usahawan. Sama ada peserta berada di peringkat 'ideation' atau mereka yang berhasrat untuk mengeksport produk ke luar negara, IBA menyediakan pelbagai modul perniagaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

## Cara memohon?

Untuk maklumat lanjut sila rujuk laman sesawang kami di: [www.dare.gov.bn/iba](http://www.dare.gov.bn/iba) atau e-mel kami di [iba@dare.gov.bn](mailto:iba@dare.gov.bn)

# Micro Bootcamp

## Apakah Micro Bootcamp?

Micro Bootcamp ialah program perkembangan keusahawanan yang dijalankan selama 4 minggu oleh Darussalam Enterprise (DARE). Ianya dihasratkan akan dapat membantu individu yang mempunyai idea perniagaan untuk memulakan perjalanan perniagaan mereka dengan mempelajari asas perniagaan.

Peserta akan mempelajari tatacara penyediaan Perniagaan Strategik, Pemasaran, Pembiayaan dan akan menerima bimbingan perniagaan.

Micro bootcamp terbuka kepada mana-mana individu yang berminat untuk belajar dan memulakan perniagaan mereka sendiri.

## Apakah tujuannya?

- Memupuk pola minda keusahawanan untuk memantapkan kedudukannya sebagai pemilik perniagaan yang berkebolehan;
- Menggalakkan budaya uji dan belajar dalam memulakan sebuah perniagaan mikro
- Menyediakan pembangunan kapasiti untuk memperbaiki peluang pekerjaan belia.

## Siapakah yang boleh menyertainya?

- 18-40 tahun
- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

## Cara memohon?

Untuk mendapatkan maklumat lanjut sila layari laman sesawang di: [www.dare.gov.bn/bootcamp](http://www.dare.gov.bn/bootcamp) atau e-mel kami di [microbusiness.bootcamp@dare.gov.bn](mailto:microbusiness.bootcamp@dare.gov.bn)

# Accelerate Bootcamp

## Apakah Accelerate Bootcamp?

Bootcamp Perniagaan Permulaan ialah sebuah program pemangkin 100 hari yang menyasarkan mereka yang mempunyai perniagaan permulaan yang berkembang dan berpotensi tinggi, yang tersedia untuk pelaburan, dan diperluaskan kepada pasaran tempatan dan antarabangsa.

DARe melancarkan Program Perniagaan Permulaan Bootcamp yang pertama pada tahun 2016 bagi membantu perkembangan pengusaha yang baharu dan sedia ada dalam program pemangkin.

## Apakah tujuannya?

- Memberi kandungan pemangkin perniagaan permulaan bagi idea eksport, produk dan perkhidmatan yang berkembang dan berpotensi tinggi yang ditujukan kepada pasaran dan pelanggan antarabangsa.
- Membantu dalam pembangunan dan pertumbuhan syarikat permulaan.
- Memberikan kemudahan kepada kandungan, rangkaian dan mentor tempatan dan antarabangsa.

## Kandungan Program

Selama 100 hari, peserta terpilih akan mempelajari modul-modul, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Lean Canvas, Ideation, Market Validation, Creation of Minimum Viable Product,

Human Resource Management, Commercialization Strategy, Marketing and Branding, Financing, Company Valuation, Legal, Intellectual Property, Fundraising dan Pitching.

Di penghujungnya, peserta yang terpilih akan berpeluang naik ke pentas semasa acara Hari Tunjuk Ajar (Demo Day). Pada hari itu, pengasas akan bercerita mengenai perniagaan mereka kepada barisan pelabur serantau (tertakluk kepada fasilitator yang dilantik).

## Siapakah yang boleh menyertainya?

- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- Perniagaan yang baharu dan sedia ada yang berdaftar, dan telah beroperasi selama 2 tahun.
- Idea atau produk yang mempunyai pertumbuhan dan berpotensi tinggi.
- Penggunaan teknologi yang inovatif, seperti AI, blockchain, big data adalah lebih baik.
- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei

## Cara memohon?

Untuk maklumat lanjut sila layari laman sesawang kami di:  
[www.dare.gov.bn/bootcamp](http://www.dare.gov.bn/bootcamp) atau e-mel kami di [dare.bootcamp@dare.gov.bn](mailto:dare.bootcamp@dare.gov.bn)

# LiveWIRE Masterclass

## Apa itu?

LiveWIRE Masterclass ialah program asas yang memberi tumpuan kepada usahawan yang merangkumi applied theories dan practical activities untuk melengkapkan usahawan dengan asas kemahiran perniagaan daripada pelbagai industri. Fokus utama ialah Keusahawanan dan Pendigitalan. Pada masa ini program ini terdiri dari 22 topik.

## *Cara memohon?*

Bagi yang berminat untuk mendaftar dan melanggan program LiveWIRE Masterclass ini bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.livewirebrunei.com](http://www.livewirebrunei.com) atau menghubungi talian hotline LiveWIRE Brunei di +673 833 8669/+673 235 3094 atau e-mel [enquire@livewirebrunei.com](mailto:enquire@livewirebrunei.com) untuk pertanyaan lanjut.

Semua peserta program LiveWIRE Brunei secara automatik akan menjadi alumni LiveWIRE Brunei dan menjadi ahli Rangkaian Perniagaan LiveWIRE Brunei

# LiveWIRE Higher Institutions Entrepreneurship Programme

## Apa itu?

Higher Institutions Entrepreneurship Programme (HIEP) bertujuan untuk melengkapkan pelajar Institusi Tinggi dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dengan menyediakan bengkal LiveWIRE seperti Bright Ideas, Business Plan Series.

## *Cara memohon?*

Bagi yang berminat untuk mendaftar dan melanggan program LiveWIRE Higher Institutions Entrepreneurship Programme ini bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.livewirebrunei.com](http://www.livewirebrunei.com) atau menghubungi talian hotline LiveWIRE Brunei di +673 833 8669/+673 235 3094 atau e-mel [enquire@livewirebrunei.com](mailto:enquire@livewirebrunei.com) untuk pertanyaan lanjut.

Semua peserta program LiveWIRE Brunei secara automatik akan menjadi alumni LiveWIRE Brunei dan menjadi ahli Rangkaian Perniagaan LiveWIRE Brunei

# LiveWIRE Brunei Bright Ideas

## Apa itu?

Bright Ideas ialah sebuah kursus pengenalan kepada ilmu keusahawanan yang dijalankan selama 2 hari. Ia merangkumi asas idea perniagaan, perancangan projek, proses undang-undang dan pengurusan asas kewangan.

Bright Ideas dihasratkan akan dapat meningkatkan kesedaran berkenaan bekerja sendiri sebagai dan keusahawanan sebagai pilihan yang realistik dalam kalangan rakyat Brunei yang menganggur berumur 18-40 tahun. Bright Ideas juga memudahkan peserta memikirkan isu-isu yang terlibat semasa memulakan perniagaan. Selain itu, maklumat yang diperlukan untuk memulakan perniagaan akan disediakan, serta bantuan lanjut untuk mengembangkan idea perniagaan mereka.

Kursus ini akan merangkumi:

- Pengenalan kepada LiveWIRE
- Sumbangsan Bright Ideas
- Menilai Idea Perniagaan
- Ciri-ciri Keusahawanan
- Proses Perancangan
- Proses Undang-undang
- Asas Pengurusan Kewangan

Di akhir bengkel ini, para peserta akan didedahkan dengan penggunaan kerangka pemikiran (framework of thinking) yang nantinya mereka boleh gunakan dalam proses memulakan perniagaan masing-masing.

## Cara memohon?

Bagi yang berminat untuk mendaftar dan melanggan program LiveWIRE Brunei Bright Ideas ini bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.livewirebrunei.com](http://www.livewirebrunei.com) atau menghubungi talian hotline LiveWIRE Brunei di +673 833 8669/+673 235 3094 atau e-mel [enquire@livewirebrunei.com](mailto:enquire@livewirebrunei.com) untuk pertanyaan lanjut.

Semua peserta program LiveWIRE Brunei secara automatik akan menjadi alumni LiveWIRE Brunei dan menjadi ahli Rangkaian Perniagaan LiveWIRE Brunei

# LiveWIRE Becoming a Successful Owner Manager (BSOM)

## Apa itu?

LiveWIRE Becoming a Successful Owner Manager (BSOM) ialah bengkel keusahawanan yang dijalankan selama 4 hari di mana Shell LiveWIRE Brunei menjemput penceramah untuk mengongsikan topik khusus yang berkaitan dengan kepakaran mereka dalam menjalankan perniagaan di Brunei.

Sepanjang 4 hari, para peserta akan didedahkan dengan topik berikut:

- Pengenalan kepada Perancangan Perniagaan
- Usahawan Islam Berjaya
- Berniaga di Brunei
- Pengurusan Risiko Perniagaan
- Integriti Perniagaan
- Proses Permohonan Halal
- Harta Intelekt untuk PKS
- Pengenalan kepada HSSE
- Pengurusan kewangan
- Penyelidikan dan Strategi Pasaran
- Pemasaran digital
- Mencapai Kejayaan dalam Kehidupan dan Perniagaan

Bengkel BSOM ialah sebuah inisiatif LiveWIRE Brunei, dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Petroleum Brunei Shell Sdn Bhd (BSP) dengan objektif untuk menyokong usaha berterusan negara ini dalam mempelbagaikan penyertaan aktif dari segi ekonomi bagi pembangunan pesat PKS di Brunei.

## Cara memohon?

Bagi yang berminat untuk mendaftar dan melanggan program LiveWIRE Becoming a Successful Owner Manager (BSOM) ini bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.livewirebrunei.com](http://www.livewirebrunei.com) atau menghubungi talian hotline LiveWIRE Brunei di +673 833 8669/+673 235 3094 atau e-mel [enquire@livewirebrunei.com](mailto:enquire@livewirebrunei.com) untuk pertanyaan lanjut.

Semua peserta program LiveWIRE Brunei secara automatik akan menjadi alumni LiveWIRE Brunei dan menjadi ahli Rangkaian Perniagaan LiveWIRE Brunei.

# Business Plan Series

## Apa itu?

Siri Rancangan Perniagaan diadakan sama ada selama 2 hari penuh atau 4 setengah hari, di mana peserta akan belajar tentang Perancangan Perniagaan dan membuat draf pelan perniagaan mereka di penghujung bengkel.

Kursus ini akan merangkumi perkara berikut:

- Pengenalan kepada Pelan Perniagaan
- Ringkasan eksekutif
- Profil Perniagaan
- Produk dan Perkhidmatan
- Penyelidikan pasaran
- Strategi Pasaran
- Operasi
- Organisasi
- Kewangan
- Future/ Exit Plan
- Penggunaan Perisian Microsoft Office untuk Membuat Pelan Perniagaan
- Pembentangan Pelan Perniagaan

## Cara memohon?

Bagi yang berminat untuk mendaftar dan melanggan program Business Plan Series ini bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.livewirebrunei.com](http://www.livewirebrunei.com) atau menghubungi talian hotline LiveWIRE Brunei di +673 833 8669/+673 235 3094 atau e-mel [enquire@livewirebrunei.com](mailto:enquire@livewirebrunei.com) untuk pertanyaan lanjut.

Semua peserta program LiveWIRE Brunei secara automatik akan menjadi alumni LiveWIRE Brunei dan menjadi ahli Rangkaian Perniagaan LiveWIRE Brunei



# LiveWIRE Leadership Camp

## Apa itu?

- Program berkhemah selama tiga hari (Jumaat hingga Ahad) yang direka untuk mengenang, menilai semula dan penilaian diri sendiri.
- 55 jam berjauhan dari rumah ke persekitaran yang berbeza untuk meningkatkan dan menghidupkan semula tenaga, semangat dan langkah untuk kemajuan dan kepimpinann.
- Semua ini berkaitan dengan awda dan diri awda sendiri.

## Program Latihan

- Program ini adalah sesuai bagi mereka yang telah menamatkan bengkel Bright ideas (BI), bengkel Become Successful Owner Manager (BSOM), atau bagi mereka yang sudah lama berniaga, dan atau yang akan memulakan perniagaan.
- Kriteria lain adalah untuk mereka yang cergas dari segi fizikal, dan bersemangat untuk menghadapi cabaran dalam aspek mengurus masa, mengurus kumpulan dan mengurus diri sendiri.
- Peserta perlu menyahut cabaran untuk mengenali siapa mereka sebenarnya.

## Kem Kepimpinan dibahagikan kepada 7 sesi

- Sesi 1-3 akan dijalankan di dewan dan kawasan terbuka.
- Sesi 4-5 adalah kursus secara praktikal dan fizikal.
- Sesi 6 akan dijalankan di kawasan alam sekitar yang terbuka. Akan ada proses kerja dan pembelajaran secara individu atau berkumpulan - perbincangan dalam setiap sesi.
- Sesi 7 akan lebih kepada sifat peribadi, perkongsian nilai dan 'declaration' untuk meningkatkan semangat para peserta ketika meninggalkan perkhemahan itu nanti.

## Cara memohon?

Bagi yang berminat untuk mendaftar dan melanggan program LiveWIRE Leadership Camp ini bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.livewirebrunei.com](http://www.livewirebrunei.com) atau menghubungi talian hotline LiveWIRE Brunei di +673 833 8669/+673 235 3094 atau e-mel [enquire@livewirebrunei.com](mailto:enquire@livewirebrunei.com) untuk pertanyaan lanjut.

Semua peserta program LiveWIRE Brunei secara automatik akan menjadi alumni LiveWIRE Brunei dan menjadi ahli Rangkaian Perniagaan LiveWIRE Brunei

# Pengurusan Aliran Tunai

## Apl: iCashflow.bn

### Apa itu?

Aplikasi mudah alih inovatif yang menyediakan sebuah platform digital untuk pengurusan aliran tunai bagi kegunaan para pengusaha di Negara Brunei Darussalam.

Aplikasi ini dihasratkan akan dapat menggalakkan tabiat pengurusan aliran tunai melalui platform digital di kalangan usahawan dan pengasas startup.

### Ciri-ciri utama:

1. Mudah dan Cepak dengan pemaparan Visualisasi Data bagi 'Cashflow Projection' dan pelaporan (reporting).
2. Laporan boleh dihantar melalui e-mel ke akaun yang telah disahkan.
3. Hanya tersedia untuk pemilik nombor telefon Brunei
4. Tersedia di GooglePlay dan App Store

*Imbas untuk Muat Turun iCASHFLOW.BN*



# YDC Lights On

## Apa itu?

YDC LIGHTS ON ialah program yang diperkenalkan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Dengan objektif untuk mempromosikan keusahawanan, PPB telah bekerjasama dengan beberapa rakan strategik untuk melatih dan bekas pelatih PPB yang berminat dan berpotensi untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran asas perniagaan, latihan dan pengalaman praktikal tentang cara menjalankan perniagaan. perniagaan mereka.

## Apakah objektifnya?

- Menyediakan belia dengan akses projek keusahawanan dalam usaha untuk mencetuskan minat mereka di bidang keusahawanan;
- Menyediakan platform keusahawanan untuk pelatih dan bekas pelatih PPB; dan
- Menggalakkan minda keusahawanan di kalangan para pelatih.

## *Siapakah yang boleh menyertainya?*

- Belia berusia 18 hingga 40 tahun
- Pelatih dan bekas pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB)

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Pusat Pembangunan Belia

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Jalan Utama Tanah Jambu,

Kampong Tanah Jambu, BU2729,

Negara Brunei Darussalam



**PEMBIAYAAN**



# Bank Usahawan

## Apakah Bank Usahawan?

Bank Usahawan menawarkan produk pembiayaan yang patuh syariah: Pembiayaan Aset (Murabaha) dan Pembiayaan Modal Kerja (Tawarruq) kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Negara Brunei Darussalam.

## Siapakah yang boleh memohon?

- Pemohon adalah pemilik perniagaan syarikat tersebut.
- Berdaftar dan diperbadankan di Negara Brunei Darussalam.
- Perniagaan hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan berturut-turut.
- Perniagaan dengan trend keutungan yang jelas.

## Perbelanjaan yang dibenarkan

- Aset tetap
- Modal kerja
- Perbelanjaan operasi
- Bekalan
- Pengubahsuaian

## Cara memohon?

Untuk maklumat lanjut mengenai produk pembiayaan daripada Bank Usahawan, perusahaan PMKS bolehlah mengunjungi laman sesawang [www.bankusahawan.com.bn](http://www.bankusahawan.com.bn) atau menghubungi talian +673 223 3330 / +673 223 3331 atau e-mel [info@bankusahawan.com.bn](mailto:info@bankusahawan.com.bn)

### Alamat:

Daerah Brunei Muara  
Blok A & B, Pejabat Pos Besar  
Bandar, Jalan McArthur, Bandar Seri  
Begawan BS8611

iCentre, Spg 32-37, Kg Anggerek  
Desa, Bandar Seri Begawan BB3713

### Waktu operasi:

Isnin hingga Khamis:

8:30am - 4.30pm

Jumaat :

8:30am - 12:00pm and

2:00pm - 4:30pm

### Belait District

Pusat Dukungan Perniagaan (BSC)

Tingkat Bawah, Lembaga

Perbandaran

### Kuala Belait

Waktu operasi:

Beroperasi hanya pada hari Isnin:

9:00am - 3:30pm

# Pinjaman Perniagaan

## Apakah Pinjaman Perniagaan?

Bank-bank perdagangan di Brunei seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Bank Baiduri, Bank Standard Chartered, Maybank dan TAIB menyediakan kemudahan pembiayaan kepada perniagaan korporat dan Perusahaan Mikro, Kecil Sederhana (PMKS).

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web berikut:

Laman web BIBD:  
[www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn)

Laman web TAIB:  
[www.taib.com.bn](http://www.taib.com.bn)

Laman web Baiduri Bank:  
[www.baiduri.com.bn](http://www.baiduri.com.bn)

Laman web Bank Standard Chartered: [www.sc.com.bn](http://www.sc.com.bn)

Laman web Maybank:  
[www.maybank.com](http://www.maybank.com)

# Co-Matching Scheme

## Apa itu?

Co-Matching Scheme ialah salah satu bantuan pembiayaan secara pemberian geran untuk membantu para peniaga dari segi kos Permulaan atau Pengembangan, sehingga maksimum \$20,000.

Pembiayaan skim ini adalah secara nisbah yang mana kos pembiayaan daripada DARE adalah sehingga 70% dan para peniaga perlu memadankan sekurang-kurangnya 30% ataupun baki daripada kos jumlah keseluruhan projek tersebut.

Terdapat 2 kategori Co-Matching Scheme:

### 1. Permulaan

- Bagi peniaga yang baru berdaftar ataupun beroperasi dalam tempoh (tidak melebihi) dua belas (12) bulan
- Disasarkan bagi membantu peniaga yang baru untuk memulakan perniagaan secara inovatif
- DARE akan membiayai 70% (sehingga B\$10,000) daripada jumlah keseluruhan kos projek

### 2. Pengembangan

- Bagi peniaga yang berdaftar lebih daripada dua belas (12) bulan
- Disasarkan kepada peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan

mereka ke peringkat seterusnya seperti untuk meningkatkan produktiviti, mengembangkan rangkaian produk atau perkhidmatan atau ingin mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa

- DARE akan membiayai 70% (sehingga B\$20,000) daripada jumlah keseluruhan kos projek

## Apakah kelayakan untuk mendapatkan pembiayaan tersebut?

Peniaga bolehlah memohon Co-Matching Scheme ini untuk membantu membiayai kos yang berkaitan dari segi Permulaan ataupun Pengembangan perniagaan bagi menggalakkan produktiviti dan prestasi perniagaan.

Perbelanjaan yang layak termasuk:

1. Kos mendapatkan lesen dan pensijilan
2. Perkhidmatan perundingan untuk mendapatkan pensijilan
3. Mesin dan peralatan
4. Perbelanjaan pemasaran
5. Penggunaan teknologi

Perbelanjaan yang tidak layak di bawah Skim termasuk:

1. Hutang dan liabiliti
2. Yuran bayaran serta gaji Pengarah
3. Tenaga kerja atau gaji kakitangan
4. Pengubahsuaian
5. Sewaan

# Co-Matching Scheme

## Siapa yang layak untuk memohon skim tersebut?

Bagi kelayakan untuk memohon skim ini, peniaga perlu memenuhi kriteria kelayakan am seperti berikut:

- Perniagaan mestilah pemilik kepada syarikat yang berdaftar dan diperbadankan di Negara Brunei Darussalam (100% peniaga tempatan terdiri daripada Warganegara ataupun Penduduk Tetap)
- Produk/perkhidmatan yang ditawarkan mestilah dimiliki oleh perniagaan tempatan
- Perniagaan mestilah dapat memadankan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah kos projek (mengikut kelayakan skim tersebut), dan jua mempunyai kelebihan dari segi pengalaman didalam bidang pelaburan adalah diberi keutamaan

Kos kelayakan bagi Skim ini tidak akan ditanggung sebelum pemberian geran tersebut.

### 1. Kriteria untuk Permulaan

- Perniagaan adalah termasuk dalam definisi perusahaan mikro atau kecil iaitu mempunyai pekerja kurang daripada 20 orang.

- Perniagaan pada masa ini sedang mengikuti latihan ataupun telah mencapai salah satu latihan Program Bootcamp DARE (cth. Accelerate ataupun Micro Bootcamp)

### 2. Kriteria untuk Pengembangan

- Perniagaan adalah termasuk dalam definisi perusahaan mikro, kecil atau sederhana iaitu mempunyai pekerja kurang daripada 100 orang.
- Perniagaan ada menyimpan dan menyelenggarakan rekod perniagaan kewangan sekurang-kurangnya didalam tempoh 1 tahun dan hendaklah sentiasa mengamalkan penyimpanan rekod perniagaan kewangan dengan baik dan teratur.
- Bagi Pemilik Tunggal atau Perkongsian, perniagaan adalah digalakkan untuk menukar status perniagaan kepada Syarikat (Sdn Bhd).

## Cara memohon?

